

# Memperkasa pendidikan agama di Sabah

## Fakulti Pengajian Islam UMS anjur Seminar Kebangsaan Hafazan al-Quran

UB 23.10.2024 P.04

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus komited memperkukuhkan pendidikan Islam di negeri Sabah dengan penganjuran Seminar Kebangsaan Hafazan al-Quran oleh Fakulti Pengajian Islam (FIS) UMS.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof, ketika mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor merasmikan seminar tersebut mengalu-alukan inisiatif FIS dalam menganjurkan seminar tersebut.

Katanya, seminar itu bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar, tetapi turut membantu merencanakan lagi usaha meningkatkan lagi kefahaman berkaitan agama dalam kalangan masyarakat.

“Penting untuk kita melatih anak-anak membaca al-Quran dengan betul kerana bacaan ayat suci al-Quran adalah asas kepada solat.

“Justeru itu, seminar seperti ini adalah platform terbaik memastikan kita terus membimbing generasi muda dalam memartabatkan al-Quran dan ajaran Islam,” katanya dalam ucapan perasmian seminar itu yang berlangsung di Pusat Islam



**SIMBOLIK:** Arifin menyaksikan pelancaran infak tunai pembinaan bangunan FIS.

UMS.

Beliau turut menekankan bahawa dalam kehidupan, perlu ada keseimbangan antara mengejar dunia dan akhirat.

“Melalui penganjuran seminar serta program keagamaan, UMS berperanan meningkatkan lagi usaha memperbaiki dan memperkukuhkan pendidikan

Islam di negeri ini.

“Penubuhan FIS adalah langkah penting dalam melahirkan lebih ramai graduan yang bukan sahaja mampu berkhidmat untuk masyarakat di Sabah, tetapi juga mempertingkatkan pengajaran agama Islam di negeri ini,” tambahnya.

Beliau berharap FIS terus menganjurkan program yang

menyemarakkan aktiviti keagamaan, sekali gus membawa manfaat besar kepada masyarakat dan sistem pendidikan Islam di Sabah.

Pada majlis tersebut, turut berlangsung acara pelancaran Infak Tunai Pembinaan Bangunan FIS, serta penyerahan watikah pelantikan sebagai Profesor Adjung di FIS kepada pendakwah

bebas dan tokoh ulama terkenal, Al-Fadhil Habib Ali ZaenalAbidin Abu Bakar Al-Hamid

Hadir sama pada majlis itu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Sabah, Datuk Dr. Haji Arifin Haji Mohd Arif; Ketua Pustakawan UMS, Md. Sazali Md. Salleh; dan Dekan FIS, Dr. Sarip Adul.